

16 IPT rebut RM34,000 hadiah debat IKIM

BH 21/12/06

Oleh Khairina Yasin

HADIAH wang tunai berjumlah RM34,000 menanti pemenang Pertandingan Debat Kefahaman Islam 2006 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di Dewan Besar institut itu, mulai 4 hingga 7 Disember ini.

Johan akan menerima RM15,000 dan piala pusingan, naib johan RM10,000; tempat ketiga RM5,000; ke-

FAKTA NOMBOR

**Pertandingan Debat
Kefahaman Islam 2006**

RM15,000

Johan

RM10,000

Naib johan

RM5,000

Ketiga

empat RM3,000 manakala pendebat terbaik RM1,000.

Pertandingan kali keempat itu bakal menyaksikan juara bertahan, Universiti Malaya (UM) bersaing dengan 15 institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Antara IPT terbabit ialah Universiti Teknologi Mara, Kolej Universiti Islam Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas.

Menurut kenyataan IKIM, pertandingan itu bertujuan meningkatkan kefahaman Islam, meninjau dan menilai sejauh mana kemampuan pelajar IPT mengenai hal ehwal Islam serta memberi peluang peserta melahirkan pendapat, pandangan dan hujah mengenai isu berkenaan.

Pusingan pertama, kedua, suku dan separuh akhir akan berlangsung dalam tempoh empat hari itu, manakala pertandingan akhir diadakan pada 22 Disember ini.

Antara tajuk perdebatan ialah *Perjanjian Perdagangan Antarabangsa (FTA): Baik Untuk Ekonomi Malaysia*.



JADI REBUTAN: Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Nik Mustapha Nik Hassan (empat dari kiri) bersama wakil IPT menunjukkan piala pusingan Pertandingan Debat Kefahaman Islam 2006.